



DATUK Musa Hitam (tengah) mencium biji-biji koko setelah merasmikan kilang Koko Malaysia Sdn Bhd di

Hutan Melintang semalam. Di kanan ialah isterinya, Datin Maria. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Musa: Contohi penanam daun tembakau

TELUK INTAN, Sela-
sa — Datuk Musa Hi-
taam hari ini menyeru
pekebun kecil koko su-
paya "berkerja kuat
dan pintar" seperti
penanam tembakau di
Kelantan dan Teren-
ganu untuk men-
ambah pendapatan
kerana koko adalah
eksport hasil tanaman
ketiga terpentingnya
selepas getah dan kela-
pa sawit.

Beliau menasihatkan
mereka supaya
menyambut dan menceri-
ma nasihat pegawai-peg-
awai pembangunan
serta melindungi tana-
man mereka dari seran-
gan serangga dan
penyakit.

"Petiklah buah pada
waktu yang sebaik-bai-
nya untuk menjamin
kandungan bijian yang
sempurna. Proseslah bi-
jian koko dengan cara
yang betul.

"Ini semua akan men-
jamin daya pengeluaran
yang lebih tinggi dan
pendapatan yang lebih
besar. Janganlah ber-
puas hati dengan pen-
dapatan sekarang. Berusa-
halah bersungguh-
sungguh," ujarnya
ketika merasmikan
Kilang Koko Malaysia
Sdn Bhd di Hutan Melin-
tang dekat sini hari ini.

Timbalan Perdana
Menteri berkata kera-
jaan belum puas hati
dengan pengeluaran
koko negara sekarang
walaupun Malaysia telah
menempah nama dalam
bidang itu dan ada pihak
di Barat memarahkan
Malaysia akan menjadi
pengeluar barangan koko
terkemuka menjelang
akhir kurun ke-20 ini.

Cabaran

Katanya, kerajaan
belum puas hati kerana
kerajaan mengetahui per-
usahaan koko negara akan
menghadapi beberapa
cabaran seperti tekanan
ke atas harga serta mutu
koko negara yang mem-
punyai kandungan asid
yang tinggi.

Datuk Musa menen-
gkan, cabaran di bi-
dang harga akibat jum-
lah keluaran dunia yang
akan meningkat pada ka-
dar lebih kurang 4.5 per-
atus setahun sehingga
1985 dan selepas ini akan
meningkat pada kadar
dua peratus setahun se-
hingga akhir tahun 80-an
dan tekanan ke atas har-
ga akan berkurangan se-
dikit dalam tempoh itu.

Katanya, bijian koko
yang dihasilkan di nega-
ra ini juga masih mem-
punyai kandungan asid
yang tinggi di samping
masih terlalu kecil ber-

banding dengan yang di-
keluarkan di negara-ne-
gara lain.

"Tanaman koko kita
masih diancam oleh ber-
bagai penyakit, dua da-
rinya amat serius sekali
iaitu serangga dan ti-
kus," tambahnya.

Datuk Musa berkata,
satu cabaran yang kita
hadapi sebagai sebuah
negara yang mula me-
nempah nama sebagai
penghasil dan pengek-
sporthan purata hasil
pengeluaran purata se-
hektar yang masih ren-
dah.

Katanya, secara pura-
ta pengeluaran pekebun
kecil koko ialah dalam
lingkungan 450 kg se-
hingga 500 kg sehektar.

"Ini ialah angka pura-
ta, sekarang-kurangnya
bagi semenanjung Ma-
laysia. Walhal, Malaysia
sudah mula dikenali se-
bagai pengeluar koko
yang lebih cekap berban-
ding dengan negara-ne-
gara lain dari segi daya
pengeluarannya," tam-
bahnya.

Datuk Musa juga men-
tarik perhatian bahawa
walaupun baru sahaja
menceburkan diri dalam
tanaman koko, Malaysia
sudah dapat menghasil-
kan 1,000 kg sehektar di
Semenanjung Malaysia
dan 1,500 kg di Sabah di
peringkat ladang.